

27/03/1999

Nik Aziz kecewa sikap wartawan

ALOR STAR, Jumaat - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, beliau kecewa dengan wartawan yang disifatkannya tidak melaporkan kenyataannya dengan tepat berhubung isu wanita tidak perlu bekerja.

Mursyidul Am Pas itu berkata, beliau tidak kecewa atau marah dengan kritikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadapnya berhubung isu itu tetapi kesal kerana wartawan tidak amanah dalam tugas kewartawanan mereka.

"Saya tidak kecil hati pada Perdana Menteri kerana itu cara orang mempermainkan fikiran rakyat, tetapi saya kecil hati pada wartawan yang tidak amanah dalam tugasnya," katanya.

Menurut Nik Aziz ketika belajar universiti, beliau diajar yang setiap bidang ilmu yang dipelajari perlu digunakan untuk memberi manfaat kepada masyarakat

"Ketika belajar, walau dalam bidang pensyarah, guru atau wartawan, kita ditanya sama ada ilmu adalah ilmu atau masyarakat.

"Ini yang diajar di universiti dan sepatutnya wartawan kita mengerti dan faham," katanya pada majlis Perhimpunan Perpaduan Rakyat Kedah, anjuran Dewan Pemuda Pas Kedah, di Kampung Mergong, di sini malam tadi.

Nik Aziz juga berkata, akhbar sepatutnya meminta maaf kepadanya berikutan tuduhan membuta tuli mengenai isu wanita tidak bekerja kerana Dr Mahathir sendiri pernah membangkitkan perkara itu pada 1984 tetapi tidak dipertikaikan.

Menurutnya, pada tahun berkenaan, akhbar melaporkan Dr Mahathir membuat saranan supaya wanita berhenti berkerja untuk memberi tumpuan mendidik anak selepas pendapatan suami mencukupi menampung keperluan keluarga.

Beliau mendakwa, kenyataannya berhubung perkara itu baru-baru ini bukan menegah wanita daripada bekerja tetapi hanya membabitkan mereka yang mempunyai anak dan ia adalah sama seperti yang pernah disarankan Dr Mahathir.

"Bukan saya yang mula benda ini, tetapi pada 1984, Perdana Menteri sendiri menyatakan perkara ini, iaitu wanita henti kerja selepas pendapatan suami mencukupi dan menjaga anak.

"Saya tak kecil hati dengan Perdana Menteri bila sebut nama saya ... kerana ia memang kerja Umno. Yang saya kecil hatinya wartawan, saya geram betul. Penulis ... kenapa bila presiden Umno sebut pada 1984 dulu tak kata apa, sepatah pun tak tulis, sepatah pun tak salah ... tak ada apa.

"Tetapi, bila saya sebut perkara yang sama, bantai saya ... dibuli saya hari-hari. Sekarang sudah jelas dalam Berita Harian dan Utusan Melayu (tahun 1984) disebut. Kenapa tak serang Perdana Menteri ketika itu.

"Kita sebut malam ini, maka esok surat khabar nak minta maaf ke kepada saya. Minta maaf la tok guru ... kami tak ingat, kami nyanyuk dah.

"Kenapa serang pada saya. Jawabnya ... kerana serang saya, puji saya ... tak dapat duit ... tak boleh kerja ... puji saya pun saya tak boleh bagi kerja.

"Oleh itu, kalau benar-benar jadi wartawan nak sebar ilmu pengetahuan sepatutnya akhbar pagi esok atau lusa dia minta maaf kerana tersilap menulis," katanya.

(END)